

m8 79

[FOTO FB JOHORSOUTHERNTIGERS]



Gol Santo istimewa

Aksi Diogo Santo ketika bertemu Kashima Antlers kelmarin. JDT tewas 2-1.

■ Mora anggap lawan Kashima mampu jadikan JDT lebih baik

Oleh Syafiq Aznan
syafiq.aznan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Gol sulung Johor Darul Ta'zim (JDT) pada pentas Liga Juara-Juara Asia (ACL) yang diledak penyergangnya, Diogo Santo pada aksi bertemu Kashima Antlers kelmarin dianggap begitu bermakna buat juara Liga Super lima kali

berturut-turut itu.

Ia diakui jurulatih skuad Harimau Selatan, Benjamin Mora yang mengharapkan jaringan terbabit dapat meningkatkan lagi keyakinan anak buahnya untuk meneruskan kempen ACL musim ini.

"Jaringan itu membawa makna yang besar kepada kami. Kami berjaya menyelesaikan misi pertama iaitu untuk menjaringkan gol.

"Kami cuba mengasak lawan sebanyak mungkin dan walau-pun mereka tidak menurunkan beberapa pemain utama, mereka tetap memperagakan permainan yang baik.

"Gol itu memberi suntikan motivasi kepada kami untuk terus mencuba dan menjadi bertambah baik. Keputusan 2-1

itu sudah cukup baik kerana Kashima layak mendapat jaringan. Apapun, kita tunggu aksi kedua di Johor nanti," katanya menerusi laman rasmi Konfederasi Bolasepak Asia (AFC), semalam.

Pernah lawan Real

Dalam perkembangan sama, meskipun membuka kempen ACL dengan langkah kiri namun Mora tetap melontarkan pujian kepada pemainnya yang berjaya memberi saingan kepada pasukan lawan.

Berdepan juara bertahan itu yang beraksi di hadapan penyokong sendiri dan berpengalaman luas dalam pentas ACL, skuad Harimau Selatan membuktikan mereka tidak boleh dipandang rendah apabila berjaya membuatkan anak buah

Go Oiwa itu 'berpeluh' apabila tidak memberi laluan mudah kepada pasukan lawan.

"Kami sangat gembira dengan penampilan pertama kami di ACL bertemu juara yang sebelum ini pernah menentang Real Madrid dan Chivas. Kami sudah beraksi dengan baik.

"Kami tahu ini adalah aksi yang begitu sukar. Kami mengkaji beberapa perlawanan Kashima namun apabila berada di atas padang, ia begitu berbeza kerana mereka berada pada tahap yang berlainan.

"Kami gembira dapat mewakili Malaysia pada pertandingan ini. Kami berpuas hati kerana dengan semangat ini, kami masih berpeluang untuk memperbaiki kelemahan yang ada," katanya.